



Al-Ahnaf: Journal of Islamic Education, Learning and Religious Studies

Vol. 3 No. 2 (2026)	ISSN: 3063-3389
DOI: https://doi.org/10.61166/ahnaf.v3i2.48	pp. 478-493

Research Article

SKEPTISISME DAVID HUME DAN KEPASTIAN ILMU DALAM ISLAM

Haswira Salleh Ahim

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam; haswirasallehahim@gmail.com

Corresponding Author, Email: haswirasallehahim@gmail.com
(Haswira Salleh Ahim)

Copyright © 2024 by Authors, Published by **Al-Ahnaf: Journal of Islamic Education, Learning and Religious Studies**. This is an open access article under the CC BY License <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>

Received : April 20 5, 2026
Accepted : April 27, 2026

Revised : May 5 2026
Available online : August 10, 2026

How to Cite: Salleh Ahim, H. (2026). SKEPTISISME DAVID HUME DAN KEPASTIAN ILMU DALAM ISLAM. *Al-Ahnaf: Journal of Islamic Education, Learning and Religious Studies*, 3(2), 478-493. <https://doi.org/10.61166/ahnaf.v3i2.48>

Abstract

Skepticism is one of the major schools in modern Western philosophy that questions the human ability to attain certainty of knowledge and absolute truth. David Hume, as a leading figure of empirical skepticism, asserted that human knowledge is limited only to sensory experience, thereby rejecting the certainty of causality and questioning the ability of reason to attain the ultimate reality in an absolute sense. This situation creates a significant research problem, as modern skepticism opens the door to relativism, secularism, and doubts toward religion and revealed truth in contemporary society. Therefore, this study aims to analyze David Hume's skeptical thought concerning the certainty of knowledge and to evaluate the concept of certainty (yaqin) in Islamic epistemology as a response to Western skepticism. This study employs a qualitative approach through conceptual analysis and library research by referring to the works of Hume, writings on Western philosophy, and sources of Islamic epistemology from Muslim scholars and intellectuals. The findings reveal that Hume's skepticism relies excessively on empiricism, thereby restricting knowledge solely to sensory experience while rejecting metaphysical dimensions and revelation as sources of truth. In contrast, Islamic epistemology offers a more balanced approach through

the integration of revelation, reason, and experience, enabling human beings to attain a firmer and more comprehensive certainty of knowledge. Overall, this study emphasizes that Islamic epistemology possesses a more stable foundation in understanding the nature of knowledge and the reality of life, and is capable of serving as a safeguard against the influence of modern skepticism that may undermine the stability of the Muslim creed.

Keywords: Skepticism, David Hume, Islam, Philosophy, Epistemology

Abstrak

Skeptisisme merupakan salah satu aliran penting dalam falsafah Barat moden yang mempersoalkan kemampuan manusia mencapai kepastian ilmu dan kebenaran mutlak. David Hume sebagai tokoh utama skeptisisme empirisisme telah menegaskan bahawa pengetahuan manusia hanya terbatas kepada pengalaman deria, sekali gus menolak kepastian hubungan sebab-akibat dan mempertikaikan kemampuan akal mencapai hakikat realiti secara mutlak. Keadaan ini menimbulkan masalah kajian apabila skeptisisme moden membuka ruang kepada relativisme, sekularisme dan keraguan terhadap agama dan kebenaran wahyu dalam masyarakat kontemporari. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran skeptisisme David Hume berkaitan kepastian ilmu dan menilai konsep keyakinan ilmu (yaqin) dalam epistemologi Islam sebagai respons terhadap skeptisisme Barat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis konseptual dan kajian kepustakaan dengan merujuk kepada karya-karya Hume, penulisan falsafah Barat dan sumber epistemologi Islam daripada ulama dan sarjana Muslim. Hasil kajian mendapati bahawa skeptisisme Hume terlalu bergantung kepada empirisisme sehingga menghadkan ilmu kepada pengalaman deria semata-mata, sekali gus menolak dimensi metafizik dan wahyu sebagai sumber kebenaran. Sebaliknya, epistemologi Islam menawarkan pendekatan yang lebih seimbang melalui gabungan wahyu, akal dan pengalaman yang membolehkan manusia mencapai keyakinan ilmu secara lebih kukuh dan menyeluruh. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa epistemologi Islam mempunyai asas yang lebih stabil dalam memahami hakikat ilmu dan realiti kehidupan dan mampu menjadi benteng terhadap pengaruh skeptisisme moden yang boleh menggugat kestabilan aqidah umat Islam.

Kata Kunci: Skeptisisme, David Hume, Islam, Falsafah, Epistemologi

INTRODUCTION

Skeptisisme merupakan salah satu aliran penting dalam sejarah falsafah Barat yang berasaskan kepada keraguan terhadap kemampuan manusia untuk mencapai kebenaran yang mutlak. Aliran ini mempersoalkan sejauh mana manusia benar-benar mampu memperoleh ilmu yang pasti tentang realiti, kewujudan dan hakikat kehidupan. Dalam tradisi skeptisisme, sesuatu pengetahuan tidak diterima secara mudah melainkan setelah melalui proses keraguan dan penelitian yang mendalam. Oleh sebab itu, skeptisisme sering dikaitkan dengan penolakan terhadap keyakinan mutlak dan kecenderungan untuk melihat ilmu sebagai sesuatu yang relatif dan tidak sepenuhnya pasti.¹

Dalam perkembangan falsafah Barat moden, antara tokoh yang paling terkenal dalam membincangkan skeptisisme ialah David Hume. Beliau merupakan ahli falsafah empirisisme dari Scotland yang banyak mempengaruhi perkembangan epistemologi moden. Hume menegaskan bahawa semua pengetahuan manusia berpunca daripada pengalaman deria semata-mata. Menurut beliau, manusia tidak memiliki kemampuan untuk mengetahui hakikat sesuatu secara mutlak kerana akal

¹ Richard H. Popkin, *The History of Scepticism* (Oxford: Oxford University Press, 2003), 1–5.

hanya mampu memahami apa yang dialami melalui pemerhatian dan pengalaman. Pemikiran beliau akhirnya membawa kepada bentuk skeptisisme yang mempersoalkan asas kepastian ilmu dalam kehidupan manusia.²

Salah satu aspek utama dalam pemikiran Hume ialah kritikkannya terhadap konsep sebab dan akibat (causality). Hume berpendapat bahawa manusia sebenarnya tidak pernah melihat hubungan sebab-akibat secara hakiki sebaliknya hanya melihat urutan kejadian yang berlaku secara berulang. Contohnya, apabila api membakar kertas, manusia menganggap api menjadi sebab kepada pembakaran tersebut kerana peristiwa itu sering berlaku secara berulang. Namun begitu, menurut Hume, hubungan tersebut hanyalah satu kebiasaan pemikiran (habit of mind). Bukannya suatu kepastian mutlak yang benar-benar dapat dibuktikan. Pandangan ini membawa kepada persoalan besar tentang kemampuan manusia untuk mencapai ilmu yang benar-benar pasti.³

Pemikiran skeptisisme Hume memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan falsafah Barat moden khususnya dalam bidang epistemologi. Keraguan terhadap kepastian ilmu telah melahirkan pelbagai aliran pemikiran moden seperti relativisme, sekularisme dan pascamodenisme yang menolak kewujudan kebenaran mutlak. Selain itu, skeptisisme turut memberi kesan terhadap cara manusia melihat agama, metafizik dan kewujudan Tuhan. dalam konteks moden, pengaruh pemikiran skeptikal dapat dilihat melalui kecenderungan sebahagian masyarakat untuk mempersoalkan autoriti agama dan menilai kebenaran berdasarkan logik dan pengalaman semata-mata.⁴

Berbeza dengan pendekatan skeptisisme Barat, Islam menegaskan bahawa manusia mampu mencapai keyakinan ilmu melalui gabungan wahyu, akal dan pengalaman. Dalam epistemologi Islam, wahyu merupakan sumber ilmu tertinggi yang menjadi asas kepada kebenaran mutlak, manakala akal dan pengalaman berfungsi sebagai alat untuk memahami dan menghayati hakikat tersebut. Islam tidak menolak penggunaan akal dan pemerhatian, namun kedua-duanya perlu dipandu oleh wahyu agar tidak membawa manusia kepada keraguan dan kesesatan. Oleh itu, konsep ilmu dalam Islam dilihat lebih seimbang kerana menggabungkan rohani, rasional dan empirikal dalam mencapai hakikat kebenaran.⁵

² David Hume, *An Enquiry Concerning Human Understanding* (Oxford: Oxford University Press, 2007), 12–18.

³ Barry Stroud, *Hume* (London: Routledge, 1977), 49–53.

⁴ Jean-François Lyotard, *The Postmodern Condition: A Report on Knowledge* (Minneapolis: University of Minnesota Press, 1984), 37–40.

⁵ Al-Ghazali, *al-Munqidh min al-Dalal* (Beirut: Dar al-Andalus, 1967), 70–74.

METHOD

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis konseptual dan kajian kepustakaan bagi meneliti pemikiran skeptisisme David Hume dan perbandingannya dengan epistemologi Islam. Data kajian diperoleh melalui sumber primer seperti karya-karya utama Hume dan sumber sekunder yang merangkumi buku akademik, artikel jurnal dan penulisan sarjana Barat dan ulama Islam berkaitan epistemologi, skeptisisme dan aqidah. Selain itu, kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama dalam pemikiran Hume seperti empirisisme, keraguan terhadap sebab-akibat dan problem of induction, sebelum dianalisis secara kritikal berdasarkan kerangka epistemologi Islam yang berteraskan wahyu, akal dan pengalaman. Pendekatan perbandingan turut diaplikasikan bagi menilai perbezaan antara skeptisisme Barat dan konsep keyakinan ilmu (yaqin) dalam Islam dan implikasinya terhadap pemeliharaan aqidah umat Islam.

RESULTS AND DISCUSSION

DEFINISI SKEPTISISME

Skeptisisme merupakan satu aliran pemikiran falsafah yang berasaskan kepada keraguan terhadap kemampuan manusia untuk memperoleh kebenaran atau ilmu yang pasti. Istilah skeptisisme berasal daripada perkataan Yunani *skepsis* yang bermaksud “penelitian”, “pemerhatian” atau “keraguan”. Dalam konteks falsafah, skeptisme merujuk kepada kecenderungan untuk mempersoalkan kesahihan sesuatu pengetahuan sebelum menerima sebagai benar. Aliran ini berpandangan bahawa manusia mempunyai keterbatasan dalam memahami hakikat realiti secara mutlak kerana pengetahuan manusia sentiasa terdedah kepada kesilapan, kekeliruan dan perubahan.⁶

Secara umumnya, skeptisisme boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama, iaitu skeptisisme radikal dan skeptisisme sederhana. Skeptisisme radikal merujuk kepada pandangan yang menolak kemungkinan manusia mencapai ilmu yang benar-benar pasti. Golongan ini beranggapan bahawa semua bentuk pengetahuan boleh dipersoalkan dan tidak ada asas yang benar-benar kukuh untuk membuktikan sesuatu kebenaran secara mutlak. Dalam bentuk yang ekstrem, skeptisisme radikal boleh membawa kepada penolakan terhadap realiti objektif dan kewujudan kebenaran universal. Oleh sebab itu, aliran ini sering dianggap sebagai cabaran besar terhadap agama, metafizik dan epistemologi tradisional.⁷

⁶ Sextus Empiricus, *Outlines of Pyrrhonism* (Cambridge: Harvard University Press, 1933), 3–7.

⁷ Michael Williams, *Problems of Knowledge: A Critical Introduction to Epistemology* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 52–56.

Sementara itu, skeptisisme sederhana pula tidak menolak keseluruhan ilmu secara mutlak, tetapi hanya meragui sebahagian sumber atau kaedah memperoleh pengetahuan. Bentuk skeptisisme ini lebih bersifat kritikal dan berhati-hati dalam menerima sesuatu dakwaan atau maklumat. Dalam konteks ini, keraguan digunakan sebagai alat untuk menilai kesahihan ilmu dan mengelakkan penerimaan secara membuta tuli. Sebahagian ahli falsafah melihat kerana ia mendorong manusia melakukan penelitian, pemerhatian dan pembuktian secara lebih teliti.⁸

Dalam perkembangan falsafah moden, skeptisisme mempunyai hubungan yang rapat dengan empirisme dan rasionalisme Barat. Skeptisisme moden sering mempersoalkan autoriti agama, tradisi dan metafizik dengan menekankan bahawa ilmu mestilah dibuktikan melalui pengalaman dan logik semata-mata. Keadaan ini menyebabkan banyak persoalan berkaitan hakikat kebenaran menjadi semakin relative dan subjektif. Akibatnya, manusia mula melihat bahawa sesuatu kebenaran bergantung kepada perspektif individu, budaya atau pengalaman tertentu tanpa wujudnya satu standard kebenaran yang mutlak.⁹

Dalam konteks masyarakat kontemporari, skeptisisme sering dikaitkan dengan krisis kebenaran dan relativisme yang semakin berkembang dalam era globalisasi dan media digital. Perkembangan teknologi komunikasi dan media sosial menyebabkan masyarakat terdedah kepada pelbagai bentuk pemikiran, ideologi dan tafsiran yang berbeza-beza sehingga sukar membezakan antara kebenaran dan kepalsuan. Fenomena ini melahirkan sikap ragu-ragu terhadap agama, moral dan autoriti ilmu. Oleh itu, skeptisisme moden bukan sekadar isu falsafah semata-mata, bahkan turut memberi kesan terhadap pembentukan pemikiran identiti dan pegangan akidah masyarakat moden.¹⁰

LATAR PEMIKIRAN DAVID HUME

David Hume merupakan salah seorang tokoh penting dalam tradisi falsafah empirisme Barat moden yang banyak mempengaruhi perkembangan epistemologi dan skeptisisme. Beliau lahir pada tahun 1711 di Scotland dan dikenali sebagai ahli falsafah, sejarawan dan penulis yang memberi tumpuan kepada persoalan ilmu, pengalaman manusia dan hakikat realiti. Pemikiran Hume berkembang dalam suasana intelektual Eropah yang dipengaruhi oleh kebangkitan rasionalisme dan empirisme selepas era Renaissance dan Enlightenment. dalam konteks tersebut,

⁸ Nicholas Rescher, *Skepticism: A Critical Reappraisal* (Lanham: University Press of America, 1980), 18–22.

⁹ René Descartes, *Meditations on First Philosophy* (Cambridge: Cambridge University Press, 1996), 12–16.

¹⁰ Zygmunt Bauman, *Liquid Modernity* (Cambridge: Polity Press, 2000), 140–145.

beliau berusaha menilai semula asas pengetahuan manusia dengan pendekatan yang lebih kritikal dan empirikal.¹¹

Hume dikategorikan sebagai ahli falsafah empirisisme kerana beliau berpandangan bahawa semua pengetahuan manusia berpunca daripada pengalaman deria. Menurut beliau, manusia tidak memiliki idea semula jadi yang wujud secara fitrah dalam akal sejak lahir. Sebaliknya, semua idea terbentuk melalui pengalaman, pemerhatian dan interaksi manusia dengan dunia luar. Dalam karya-karyanya seperti *An Enquiry Concerning Human Understanding*, Hume menjelaskan bahawa pemikiran manusia hanyalah hasil daripada kesan-kesan pengalaman yang diterima melalui pancaindera. Oleh sebab itu, beliau menolak pandangan rasionalisme yang menganggap akal mampu mencapai kebenaran secara bebas tanpa bergantung kepada pengalaman.¹²

Selain itu, Hume turut menolak idea bahawa akal manusia mampu mengetahui sesuatu secara pasti dan mutlak. Menurut beliau, kemampuan akal sangat terbatas kerana manusia hanya mengetahui apa yang dapat dialami dan diperhatikan. Akal tidak mampu menembusi hakikat sebenar sesuatu realiti di luar pengalaman deria. Pandangan ini menyebabkan Hume bersikap skeptikal terhadap pelbagai persoalan metafizik seperti kewujudan Tuhan, roh dan hakikat alam. Bagi Hume, manusia tidak mempunyai asas empirikal yang cukup untuk membuktikan perkara-perkara tersebut secara mutlak.¹³

Dalam epistemologi Hume, semua ilmu dianggap berpunca daripada pengalaman deria dan bukannya daripada wahyu atau metafizik. Beliau membahagikan pengetahuan kepada dua bentuk utama iaitu *relation of ideas* dan *matter of fact*. *Relation of ideas* merujuk kepada pengetahuan yang bersifat logik dan matematik, manakala *matters of fact* pula berkaitan dengan pengalaman kehidupan sebenar. Namun begitu, Hume berpendapat bahawa pengetahuan tentang realiti luar hanyalah bersifat kebarangkalian dan bukannya kepastian mutlak. Oleh sebab itu, manusia menurut beliau sentiasa berada dalam keadaan kemungkinan dan tidak mampu mencapai keyakinan yang sempurna tentang hakikat sesuatu perkara.¹⁴

Salah satu aspek paling terkenal dalam pemikiran Hume ialah kritiknya terhadap konsep *causality* atau sebab-akibat. Hume mempersoalkan bagaimana manusia boleh memastikan bahawa sesuatu sebab benar-benar menghasilkan

¹¹ James A. Harris, *Hume: An Intellectual Biography* (Cambridge: Cambridge University Press, 2015), 15–20.

¹² David Hume, *An Enquiry Concerning Human Understanding* (Indianapolis: Hackett Publishing, 1993), 17–21.

¹³ Frederick Copleston, *A History of Philosophy*, Vol. 5: *Modern Philosophy* (New York: Image Books, 1994), 302–306.

¹⁴ Don Garrett, *Hume* (London: Routledge, 2015), 88–92.

sesuatu akibat. Menurut beliau, manusia sebenarnya tidak pernah melihat hubungan sebab secara hakiki, sebaliknya hanya melihat dua peristiwa yang berlaku secara berulang. Contohnya, apabila api membakar kertas, manusia menganggap api menjadi sebab pembakaran kerana peristiwa itu sering berlaku secara konsisten. Namun bagi Hume, hubungan tersebut hanyalah hasil kebiasaan pemikiran manusia (*habit of mind*) dan bukannya bukti tentang kewujudan hubungan sebab-akibat yang sebenar.¹⁵

Kritikan Hume terhadap konsep sebab-akibat memberikan kesan yang sangat besar terhadap perkembangan falsafah moden dan sains Barat. Pemikiran beliau telah menimbulkan persoalan tentang asas kepastian ilmu dan kemampuan manusia memahami realiti secara objektif. Skeptisisme Hume kemudiannya mempengaruhi ramai ahli falsafah selepas beliau termasuk Immanuel Kant yang mengakui bahawa pemikiran Hume telah “*membangunkannya daripada tidur dogmatic*”. Dalam konteks moden, idea Hume terus menjadi rujukan penting dalam perbincangan epistemologi dan falsafah sains, khususnya berkaitan persoalan tentang kepastian ilmu dan batas kemampuan akal manusia.¹⁶

KONSEP SKEPTISISME HUME

Salah satu aspek paling utama dalam skeptisisme David Hume ialah penolakannya terhadap kepastian hubungan sebab dan akibat (*causality*). Dalam falsafah tradisional, hubungan sebab-akibat dianggap sebagai asas penting dalam memahami realiti dan memperoleh ilmu. Namun begitu, Hume mempersoalkan bagaimana manusia boleh memastikan bahawa sesuatu sebab benar-benar menghasilkan sesuatu akibat secara mutlak. Menurut beliau, manusia sebenarnya tidak melihat “kuasa sebab” yang sebenar, tetapi hanya melihat peristiwa yang berlaku secara berturutan dan berulang dalam pengalaman harian.¹⁷

Hume menjelaskan bahawa apabila manusia melihat dua peristiwa berlaku secara konsisten, manusia akan terbiasa menganggap kedua-duanya mempunyai hubungan sebab-akibat. Sebagai contoh, manusia melihat api membakar kertas berulang kali lalu membuat kesimpulan bahawa api menjadi sebab kepada pembakaran tersebut. Namun menurut Hume, apa yang sebenarnya dilihat hanyalah urutan kejadian, bukannya hubungan sebab yang hakiki. Manusia tidak pernah melihat secara langsung bagaimana “kuasa pembakaran” itu berfungsi dalam api.

¹⁵ Peter Millican, *Reading Hume on Human Understanding* (Oxford: Oxford University Press, 2002), 124–128.

¹⁶ Immanuel Kant, *Prolegomena to Any Future Metaphysics* (Cambridge: Cambridge University Press, 2004), 10–12.

¹⁷ David Hume, *A Treatise of Human Nature* (Oxford: Clarendon Press, 1978), 86–89.

Oleh sebab itu, hubungan sebab-akibat menurut beliau hanyalah satu andaian yang dibentuk oleh kebiasaan pengalaman.¹⁸

Berdasarkan pandangan tersebut, Hume menyatakan bahawa hubungan sebab-akibat hanyalah *habit of mind* atau kebiasaan akal manusia. Apabila sesuatu peristiwa berlaku secara berulang, akal manusia secara automatic menjangkakan bahawa perkara yang sama akan terus berlaku pada masa akan datang. Dalam konteks ini, manusia sebenarnya tidak memiliki bukti mutlak bahawa sesuatu akibat mesti terhasil daripada sebab tertentu. Sebaliknya, manusia hanya membuat jangkaan berdasarkan pengalaman yang berulang. Pemikiran ini menunjukkan bahawa keyakinan manusia terhadap realiti sebenarnya dibina atas kebiasaan psikologi dan bukannya kepastian rasional yang mutlak.¹⁹

Selain itu, Hume juga berpendapat bahawa ilmu manusia pada hakikatnya bersifat kebarangkalian dan bukan kepastian. Menurut beliau, manusia tidak mempunyai asas untuk mencapai keyakinan yang benar-benar mutlak tentang dunia luar. Semua pengetahuan berkaitan realiti hanyalah berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang bersifat sementara. Oleh sebab itu, sesuatu ilmu hanya boleh dianggap berkemungkinan benar dan bukannya pasti secara mutlak. Pemikiran ini menjadikan Hume antara tokoh utama yang memperkukuhkan skeptisisme moden dalam epistemologi Barat.²⁰

Hume turut menegaskan bahawa tiada jaminan bahawa masa depan akan sentiasa sama dengan masa lalu. Walaupun manusia terbiasa melihat pola tertentu berlaku secara konsisten, hal tersebut tidak membuktikan bahawa pola tersebut akan terus berlaku selama-lamanya. Sebagai contoh, matahari terbit setiap hari tidak bermaksud manusia mempunyai kepastian mutlak bahawa matahari pasti akan terbit esok. Menurut Hume, manusia hanya membuat andaian berdasarkan pengalaman lampau tanpa memiliki bukti logik yang benar-benar pasti. Pandangan ini sekali gus menggugat keyakinan terhadap kestabilan hukum alam dan kepastian ilmu lainnya.²¹

Di samping itu, Hume terkenal dengan kritikkannya terhadap konsep induksi dalam proses memperoleh ilmu. Induksi merujuk kepada kaedah membuat kesimpulan umum berdasarkan pengalaman atau pemerhatian yang berulang. Dalam sains moden, kaedah induksi digunakan untuk membentuk teori dan hukum berdasarkan eksperimen dan data empirikal. Namun Hume mempersoalkan asas logik di sebalik kaedah tersebut. Beliau berhujah bahawa pengalaman lepas tidak

¹⁸ Simon Blackburn, *Think: A Compelling Introduction to Philosophy* (Oxford: Oxford University Press, 1999), 102–105.

¹⁹ John Passmore, *Hume's Intentions* (London: Duckworth, 1980), 74–78.

²⁰ A. J. Ayer, *Hume* (Oxford: Oxford University Press, 1980), 56–60.

²¹ Bertrand Russell, *The Problems of Philosophy* (Oxford: Oxford University Press, 2001), 35–39.

mampu memberikan jaminan mutlak tentang apa yang akan berlaku pada masa hadapan.²²

Kritikan Hume terhadap induksi akhirnya melahirkan apa yang dikenali sebagai *problem of induction* dalam falsafah moden. Masalah ini merujuk kepada persoalan tentang bagaimana manusia boleh membuktikan bahawa pola yang berlaku pada masa lalu akan terus berlaku pada masa hadapan. Hume menegaskan bahawa tidak ada hujah logik yang benar-benar dapat membenarkan andaian tersebut. Oleh sebab itu, manusia sebenarnya hanya bergantung kepada kebiasaan mental dan bukan kepastian rasional ketika membuat ramalan atau kesimpulan tentang dunia. Pemikiran ini memberikan kesan besar terhadap falsafah sains dan teori pengetahuan Barat moden.²³

IMPLIKASI PEMIKIRAN HUME

Pemikiran skeptisisme David Hume telah memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan epistemologi Barat moden. Kritikan beliau terhadap kepastian ilmu, hubungan sebab-akibat dan kaedah induksi telah menggugat asas tradisional pemikiran Barat yang sebelum itu banyak bergantung kepada keyakinan terhadap rasionaliti dan kemampuan akal manusia mencapai kebenaran. Hume menegaskan bahawa manusia sebenarnya tidak memiliki asas yang benar-benar kukuh untuk mencapai kepastian mutlak tentang realiti. Pandangan ini akhirnya melahirkan krisis epistemologi dalam Barat kerana persoalan tentang hakikat ilmu dan kebenaran menjadi semakin kabur dan dipenuhi keraguan.²⁴

Salah satu implikasi utama daripada pemikiran Hume ialah ilmu mula dianggap sebagai sesuatu yang tidak pasti dan bersifat kebarangkalian semata-mata. Dalam kerangka skeptisisme beliau, manusia hanya mampu membuat andaian berdasarkan pengalaman lalu tanpa memiliki jaminan bahawa sesuatu perkara benar-benar pasti. Hal ini menyebabkan konsep ilmu berubah daripada sesuatu yang diyakini secara kukuh kepada sesuatu yang sentiasa terbuka kepada kemungkinan kesilapan. Akibatnya, keyakinan terhadap kemampuan manusia mencapai kebenaran mutlak menjadi semakin lemah dalam tradisi pemikiran Barat moden.²⁵

Selain itu, skeptisisme Hume turut memberi kesan terhadap asas pemikiran sains moden. Sebelum kemunculan skeptisisme moden, sains dilihat sebagai jalan

²² Karl Popper, *Conjectures and Refutations* (London: Routledge, 2002), 53–57.

²³ Hans Reichenbach, *The Rise of Scientific Philosophy* (Berkeley: University of California Press, 1951), 228–232.

²⁴ Frederick Beiser, *The Fate of Reason: German Philosophy from Kant to Fichte* (Cambridge: Harvard University Press, 1987), 22–26.

²⁵ Richard Rorty, *Philosophy and the Mirror of Nature* (Princeton: Princeton University Press, 1979), 159–163.

untuk memahami hukum-hukum alam secara pasti dan objektif. Namun begitu, kritikan Hume terhadap induksi menimbulkan persoalan tentang sejauh mana eksperimen dan pemerhatian mampu memberikan kepastian terhadap hukum alam. Jika pengalaman lepas tidak dapat menjamin apa yang akan berlaku pada masa depan, maka asas keyakinan terhadap teori dan hukum saintifik juga menjadi tidak mutlak. Keadaan ini menyebabkan sains moden lebih cenderung melihat teori sebagai bersifat sementara dan boleh berubah mengikut penemuan baharu.²⁶

Pemikiran Hume juga membuka ruang kepada perkembangan relativisme kebenaran dalam masyarakat moden. Relativisme merujuk kepada pandangan bahawa kebenaran tidak bersifat mutlak tetapi bergantung kepada perspektif, pengalaman dan tafsiran individu. Apabila kepastian ilmu dipersoalkan, manusia mula melihat bahawa tiada satu bentuk kebenaran yang benar-benar tetap dan universal. Dalam konteks ini, nilai moral, agama dan prinsip kehidupan turut dianggap relatif dan boleh berubah mengikut keadaan masyarakat dan budaya. Fenomena ini menjadi salah satu ciri utama dalam perkembangan pemikiran moden dan pascamoden di Barat.²⁷

Di samping itu, skeptisisme Hume turut membawa kepada keraguan terhadap realiti metafizik dan agama. Oleh sebab Hume mengehendkan ilmu kepada pengalaman deria, perkara-perkara yang tidak dapat dibuktikan secara empirikal seperti kewujudan Tuhan, roh dan alam ghaib menjadi sukar diterima sebagai suatu kepastian. Keadaan ini memberi kesan kepada perkembangan ateisme dan sekularisme dalam masyarakat Barat moden. Ateisme berkembang melalui penolakan terhadap kewujudan Tuhan, manakala sekularisme pula menekankan pemisahan agama daripada kehidupan dan pemikiran manusia. Kedua-dua aliran ini berkembang dalam suasana intelektual yang dipengaruhi oleh skeptisisme dan empirisisme moden.²⁸

Selain itu, pemikiran Hume turut mempengaruhi perkembangan pemikiran pascamoden yang menolak konsep kebenaran mutlak dan autoriti ilmu tradisional. Pascamodenisme melihat realiti sebagai sesuatu yang subjektif dan sentiasa terbuka kepada pelbagai tafsiran. Dalam konteks ini, agama moral dan identiti manusia tidak lagi dilihat berdasarkan satu kerangka kebenaran yang tetap. Pengaruh pemikiran sedemikian telah melahirkan masyarakat moden yang cenderung mempersoalkan autoriti agama dan menerima plurality pemikiran tanpa batas yang jelas. Oleh itu, skeptisisme Hume bukan sekadar memberi kesan dalam bidang falsafah, bahkan

²⁶ Thomas S. Kuhn, *The Structure of Scientific Revolutions* (Chicago: University of Chicago Press, 1996), 77–81.

²⁷ Michel Foucault, *Power/Knowledge: Selected Interviews and Other Writings* (New York: Pantheon Books, 1980), 131–135.

²⁸ Charles Taylor, *A Secular Age* (Cambridge: Harvard University Press, 2007), 299–303.

turut mempengaruhi budaya, pemikiran dan cara hidup masyarakat kontemporari secara menyeluruh.²⁹

PERBANDINGAN KRITIKAL

Perbandingan antara pemikiran skeptisisme David Hume dan epistemologi Islam memperlihatkan perbezaan yang sangat ketara khususnya dalam memahami sumber ilmu, kepastian pengetahuan, konsep sebab-akibat dan hakikat realiti. Pemikiran Hume dibina atas asas empirisisme dan skeptisisme yang menekankan pengalaman sebagai satu-satunya sumber pengetahuan manusia.³⁰ Sebaliknya, Islam memiliki kerangka epistemologi yang lebih menyeluruh dengan menggabungkan wahyu, akal dan pengalaman sebagai sumber ilmu yang saling melengkapi. Perbezaan ini menunjukkan bahawa Islam tidak menghadkan ilmu kepada dimensi empirikal semata-mata, bahkan turut mengiktiraf dimensi metafizik dan wahyu sebagai asas kebenaran.³¹

Dari sudut sumber ilmu, Hume berpendapat bahawa semua pengetahuan manusia berpunca daripada pengalaman dan pemerhatian deria. Menurut beliau, manusia tidak mempunyai idea semula jadi atau pengetahuan mutlak yang wujud secara bebas daripada pengalaman. Oleh sebab itu, sesuatu ilmu hanya dianggap sah jika dapat dibuktikan melalui pengalaman empirikal. Pendekatan ini menyebabkan perkara-perkara metafizik seperti kewujudan Tuhan, roh dan alam ghaib sukar diterima sebagai pengetahuan yang pasti kerana tidak dapat dibuktikan secara empirikal. Dalam konteks ini, Hume menghadkan kemampuan manusia memahami realiti hanya kepada apa yang boleh dialami melalui pancaindera.³²

Sebaliknya, epistemologi Islam menegaskan bahawa ilmu tidak terbatas kepada pengalaman deria semata-mata. Islam mengiktiraf wahyu sebagai sumber ilmu tertinggi kerana wahyu berasal daripada Allah SWT yang Maha Mengetahui. Selain itu, akal diberikan peranan penting sebagai alat memahami dan menilai sesuatu ilmu, manakala pengalaman empirikal berfungsi sebagai pelengkap dalam memahami alam ciptaan Allah SWT. Gabungan antara wahyu, akal dan pengalaman menjadikan epistemologi Islam lebih seimbang dan menyeluruh kerana tidak memisahkan dimensi fizikal dan metafizik dalam memahami realiti kehidupan.³³

²⁹ Jean Baudrillard, *Simulacra and Simulation* (Ann Arbor: University of Michigan Press, 1994), 79–83.

³⁰ David Hume, *An Enquiry Concerning Human Understanding* (Oxford: Oxford University Press, 2007), 18–24.

³¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995), 12–16.

³² David Hume, *A Treatise of Human Nature* (Oxford: Clarendon Press, 1978), 67–72.

³³ Mulla Sadra, *al-Hikmah al-Muta'aliyah fi al-Asfar al-'Aqliyyah al-Arba'ah* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1981), 1:45–49.

Selain itu, konsep sebab-akibat turut memperlihatkan perbezaan besar antara Hume dan Islam. Hume berpendapat bahawa hubungan sebab-akibat hanyalah kebiasaan mental manusia hasil daripada pemerhatian yang berulang. Menurut beliau, manusia sebenarnya tidak pernah melihat hubungan sebab yang hakiki, sebaliknya hanya melihat urutan kejadian yang berlaku secara konsisten.³⁴ Islam pula menerima kewujudan hubungan sebab-akibat sebagai sebahagian daripada sunnatullah iaitu hukum dan aturan yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam alam semesta. Dalam konteks ini, sebab-akibat bukan sekadar kebiasaan psikologi manusia, tetapi merupakan sistem ciptaan Allah yang mengatur perjalanan alam secara teratur dan konsisten.³⁵

Dari sudut hakikat realiti pula, Hume bersikap skeptikal terhadap kemampuan manusia mengetahui realiti secara mutlak. Beliau berpendapat bahawa manusia tidak mampu memahami hakikat sebenar sesuatu di luar pengalaman deria. Pandangan ini menyebabkan realiti dianggap tidak pasti dan sentiasa terbuka kepada keraguan.³⁶ Sebaliknya, Islam menegaskan bahawa realiti merupakan ciptaan Allah SWT yang mempunyai tujuan dan hikmah tertentu. Alam semesta bukan wujud secara kebetulan, tetapi berada di bawah kekuasaan dan ketentuan Allah SWT. Oleh sebab itu, hakikat realiti dalam Islam mempunyai asas ontology yang jelas kerana berpandukan konsep tauhid dan keimanan kepada Allah sebagai Pencipta seluruh alam.³⁷

ANALISIS KRITIKAL DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN IMPLIKASI TERHADAP AKIDAH

Skeptisisme David Hume dilihat sebagai satu bentuk pemikiran yang terlalu reduksionis dari perspektif epistemologi Islam kerana beliau menghadkan sumber ilmu hanya kepada pengalaman deria semata-mata. Dalam pemikiran Hume, sesuatu pengetahuan dianggap sah hanya apabila dapat dibuktikan melalui pemerhatian empirikal. Pendekatan ini menyebabkan dimensi ilmu yang berada di luar kemampuan deria manusia tidak diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Akibatnya, hakikat ilmu menjadi terlalu sempit kerana hanya berpandukan kepada pengalaman fizikal dan logik manusia.³⁸

³⁴ Barry Stroud, *Hume* (London: Routledge, 1977), 84–88.

³⁵ Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghayb* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1999), 13:45–48.

³⁶ Frederick Copleston, *A History of Philosophy*, Vol. 5: *Modern Philosophy* (New York: Image Books, 1994), 309–312.

³⁷ Al-Ghazali, *Mishkat al-Anwar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 55–59.

³⁸ William Edward Morris, *David Hume* (Stanford Encyclopedia of Philosophy, 2022), bahagian “Empiricism and Skepticism.”

Selain itu, skeptisisme Hume turut mengabaikan dimensi metafizik yang merupakan salah satu asas penting dalam epistemologi Islam. Dalam Islam, realiti tidak hanya terbatas kepada perkara yang dapat dilihat atau disentuh, bahkan turut melibatkan kewujudan alam ghaib seperti malaikat, roh, syurga dan neraka. Perkara-perkara tersebut diterima melalui wahyu yang sahih daripada Allah SWT. Namun begitu, pendekatan skeptisisme yang terlalu bergantung kepada pengalaman empirikal menyebabkan perkara metafizik sukar diterima sebagai suatu bentuk ilmu yang pasti. Hal ini menunjukkan bahawa skeptisisme Hume tidak mampu menjelaskan keseluruhan hakikat kewujudan secara menyeluruh.³⁹

Di samping itu, skeptisisme Hume juga menyetepikan wahyu sebagai sumber ilmu yang mutlak. Dalam epistemologi Islam, wahyu merupakan sumber kebenaran tertinggi kerana datang daripada Allah SWT yang Maha Mengetahui segala perkara zahir dan batin. Wahyu bukan sahaja membimbing manusia dalam persoalan ibadah dan akhlak, bahkan turut menjelaskan hakikat kehidupan, tujuan kewujudan manusia dan realiti alam semesta. Apabila wahyu diketepikan, manusia hanya bergantung kepada akal dan pengalaman yang terbatas. Keadaan ini boleh menyebabkan manusia terdedah kepada kekeliruan, keraguan dan kesilapan dalam memahami hakikat sebenar kehidupan.⁴⁰

Jika skeptisisme diterima secara menyeluruh tanpa batasan, ia berpotensi membawa kepada keraguan terhadap aqidah dan kebenaran agama. Sikap meragui kemampuan manusia mencapai kepastian ilmu boleh menyebabkan seseorang mempersoalkan kewujudan Tuhan, kebenaran wahyu dan perkara-perkara ghaib yang menjadi asas keimanan dalam Islam. Dalam jangka panjang, skeptisisme yang melampau boleh melemahkan keyakinan manusia terhadap agama dan membuka ruang kepada relativisme dan sekularisme. Oleh sebab itu, Islam memandang keraguan yang berlebihan terhadap perkara asas agama sebagai sesuatu yang boleh merosakkan kestabilan aqidah seseorang Muslim.⁴¹

Dalam konteks semasa, unsur-unsur skeptisisme moden dapat dilihat berkembang melalui media sosial dan platform digital yang menjadi medium utama penyebaran pemikiran dan ideologi Barat. Pelbagai kandungan yang mempersoalkan agama, kewujudan Tuhan dan autoriti wahyu disebar secara terbuka melalui video, forum, podcast dan media hiburan digital. Keadaan ini menyebabkan masyarakat semakin terdedah kepada budaya relativisme dan kecenderungan untuk mempersoalkan segala bentuk kebenaran tradisional. Pengaruh ini menjadi semakin

³⁹ Ibn Sina, *al-Isharat wa al-Tanbihat* (Cairo: Dar al-Ma'arif, 1985), 3:112-116.

⁴⁰ Al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1993), 1:34-38.

⁴¹ Abu Mansur al-Maturidi, *Kitab al-Tawhid* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 7-11.

kuat apabila sesuatu idea dipersembahkan atas nama kebebasan berfikir dan rasionaliti moden tanpa penilaian yang berasaskan kepada epistemologi Islam.⁴²

Walau bagaimanapun, Islam tidak menolak sepenuhnya penggunaan akal dan pengalaman dalam memperoleh ilmu. Islam mengiktiraf akal sebagai anugerah penting yang membolehkan manusia berfikir, menilai dan memahami tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Begitu juga pengalaman dan pemerhatian terhadap alam yang menjadi asas kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan tamadun manusia. Namun demikian, akal dan pengalaman dalam Islam tidak bersifat mutlak, sebaliknya perlu dipandu dan dikawal oleh wahyu agar tidak membawa manusia kepada kesesatan dan kekeliruan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa Islam mengambil jalan pertengahan antara penolakan total terhadap akal dan pengagungan akal secara mutlak.⁴³

Secara keseluruhannya, analisis kritikal terhadap skeptisisme Hume menunjukkan bahawa pemikiran tersebut mempunyai kelemahan apabila dinilai daripada perspektif Islam. Skeptisisme yang terlalu bergantung kepada empirisisme menyebabkan hakikat ilmu menjadi terbatas dan mengabaikan dimensi metafizik dan wahyu sebagai sumber kebenaran. Dalam masa yang sama, Islam menawarkan pendekatan epistemologi yang lebih seimbang dengan mengharmonikan wahyu, akal dan pengalaman dalam memahami realiti kehidupan. Oleh itu, penilaian kritikal terhadap falsafah Barat sangat penting bagi memastikan pemikiran umat Islam sentiasa berpaksikan aqidah dan kerangka ilmu yang sahih.

CONCLUSION

Secara keseluruhannya, skeptisisme David Hume telah memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan epistemologi Barat moden khususnya dalam persoalan kepastian ilmu dan hakikat realiti. Pemikiran Hume yang menolak kepastian sebab-akibat dan mengehendkan ilmu kepada pengalaman deria telah melahirkan pelbagai bentuk keraguan terhadap kebenaran mutlak. Keadaan ini akhirnya membuka ruang kepada perkembangan relativisme, sekularisme dan krisis epistemologi dalam pemikiran Barat moden. Walaupun pendekatan skeptisisme mempunyai nilai dari sudut kritikan intelektual dan penelitian terhadap ilmu, namun skeptisisme yang melampau boleh membawa manusia kepada kekeliruan terhadap hakikat kehidupan dan asas kebenaran itu sendiri.

Berbeza dengan pendekatan tersebut, Islam menyediakan kerangka epistemologi yang lebih seimbang dan menyeluruh melalui gabungan wahyu, akal dan pengalaman. Dalam Islam, wahyu menjadi sumber ilmu tertinggi yang

⁴² Zygmunt Bauman, *Liquid Modernity* (Cambridge: Polity Press, 2000), 168–172.

⁴³ Muhammad Iqbal, *The Reconstruction of Religious Thought in Islam* (Stanford: Stanford University Press, 2013), 2–6.

memberikan kepastian terhadap perkara berkaitan aqidah, kehidupan dan hakikat realiti, manakala akal dan pengalaman berfungsi sebagai alat untuk memahami dan menghayati kebenaran tersebut. Pendekatan ini membolehkan manusia mencapai keyakinan ilmu (yaqin) tanpa menolak peranan rasional dan pemerhatian empirikal. Oleh itu, penilaian kritikal terhadap skeptisisme Barat amat penting bagi memastikan umat Islam tidak terpengaruh dengan pemikiran yang boleh melemahkan keyakinan terhadap agama dan memelihara kestabilan aqidah dalam menghadapi cabaran pemikiran moden.

Bibliography

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995)
- Al-Ghazali, al-Munqidh min al-Dalal (Beirut: Dar al-Andalus, 1967)
- Al-Ghazali, *Mishkat al-Anwar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994)
- al-Maturidi, Abu Mansur, *Kitab al-Tawhid* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001)
- al-Razi, Fakhr al-Din, *Mafatih al-Ghayb* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1999)
- Al-Shahrastani, al-Milal wa al-Nihal (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1993)
- A.Harris, James, *Hume: An Intellectual Biography* (Cambridge: Cambridge University Press, 2015)
- A.J. Ayer, *Hume* (Oxford: Oxford University Press, 1980)
- Bauman, Zygmunt, *Liquid Modernity* (Cambridge: Polity Press, 2000)
- Baudrillard, Jean, *Simulacra and Simulation* (Ann Arbor: University of Michigan Press, 1994), 79–83.
- Beiser, Frederick, *The Fate of Reason: German Philosophy from Kant to Fichte* (Cambridge: Harvard University Press, 1987), 22–26.
- Blackburn, Simon, *Think: A Compelling Introduction to Philosophy* (Oxford: Oxford University Press, 1999)
- Copleston, Frederick, *A History of Philosophy, Vol. 5: Modern Philosophy* (New York: Image Books, 1994)
- Descartes, René, *Meditations on First Philosophy* (Cambridge: Cambridge University Press, 1996)
- Empiricus, Sextus, *Outlines of Pyrrhonism* (Cambridge: Harvard University Press, 1933)
- Foucault, Michel, *Power/Knowledge: Selected Interviews and Other Writings* (New York: Pantheon Books, 1980)
- H. Popkin, Richard, *The History of Scepticism* (Oxford: Oxford University Press, 2003)
- Hans Reichenbach, *The Rise of Scientific Philosophy* (Berkeley: University of California Press, 1951)
- Hume, David, *A Treatise of Human Nature* (Oxford: Clarendon Press, 1978)
- Hume, David, *An Enquiry Concerning Human Understanding* (Oxford: Oxford University Press, 2007)

- Ibn Sina, al-Isharat wa al-Tanbihat (Cairo: Dar al-Ma'arif, 1985)
- Iqbal, Muhammad, The Reconstruction of Religious Thought in Islam (Stanford: Stanford University Press, 2013)
- Kant, Immanuel, Prolegomena to Any Future Metaphysics (Cambridge: Cambridge University Press, 2004)
- Liotard, Jean-François, The Postmodern Condition: A Report on Knowledge (Minneapolis: University of Minnesota Press, 1984)
- Morris, William Edward, David Hume (Stanford Encyclopedia of Philosophy, 2022), bahagian "Empiricism and Skepticism."
- Millican, Peter, Reading Hume on Human Understanding (Oxford: Oxford University Press, 2002)
- Passmore, John, Hume's Intentions (London: Duckworth, 1980), 74-78.
- Popper, Karl, Conjectures and Refutations (London: Routledge, 2002)
- Rescher, Nicholas, Skepticism: A Critical Reappraisal (Lanham: University Press of America, 1980)
- Rorty, Richard, Philosophy and the Mirror of Nature (Princeton: Princeton University Press, 1979)
- Russell, Bertrand, The Problems of Philosophy (Oxford: Oxford University Press, 2001)
- S. Kuhn, Thomas, The Structure of Scientific Revolutions (Chicago: University of Chicago Press, 1996)
- Sadra, Mulla, al-Hikmah al-Muta'aliyah fi al-Asfar al-'Aqliyyah al-Arba'ah (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1981)
- Stroud, Barry, Hume (London: Routledge, 1977)
- Taylor, Charles, A Secular Age (Cambridge: Harvard University Press, 2007)
- Williams, Michael, Problems of Knowledge: A Critical Introduction to Epistemology (Oxford: Oxford University Press, 2001)